

Malaysia kembali ke landasan tetapkan pelan ekonomi negara

PM berharap Keluarga Malaysia lebih optimis, bersemangat kehadiran 2022

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan kembali ke landasan bagi menetapkan pelan ekonomi negara jangka panjang pada 2022, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri ketika menzahirkan tekad sedemikian berharap, Keluarga Malaysia lebih optimis dan bersemangat dengan kehadiran 2022 kerana kerajaan

akan merancang usaha pemulihan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Bajet 2022 untuk memastikan aspek ketahanan serta kesejahteraan ekonomi.

Bersandarkan momentum 2021, beliau turut menaruh keyakinan pertumbuhan ekonomi negara dijangka berterusan pada 2022 dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang antara 5.5 hingga 6.5 peratus, seiring unjuran Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) enam peratus serta 5.8 peratus oleh Bank Dunia.

"Ke arah itu, antara tumpuan utama kerajaan pada 2022 ialah mewujudkan sekurang-kurangnya 600,000 peluang pekerjaan baharu di samping pemulihan segera sektor Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS).

"Beberapa tema mustahak per-

lu digerakkan pada 2022. Antaranya ialah pemeraksanaan ekonomi digital sejajar tuntutan realiti semasa.

"Atas kesedaran dan keperluan masa kini dan masa depan, Malaysia juga memberikan komitmen bagi mencapai status 'negara karbon neutral' pada 2050.

"Transformasi ke arah ekonomi dan masyarakat yang cakna terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) memerlukan peralihan dalam pelbagai aspek pengurusan, pentadbiran serta kerangka minda dalam pembuatan dasar," katanya menerusi perutusan tahun baharu, disiarkan secara langsung malam tadi.

Mengambil contoh soal peluang pekerjaan yang bakal dijana, Ismail Sabri berkata, Malaysia perlu bersedia untuk mewujudkan satu ekosistem yang mampu menjana aktiviti, pasaran pekerjaan selari tuntutan dan

keperluan ke arah ekonomi serta masyarakat mesra ESG.

Beliau menyifatkan inisiatif sedemikian sebagai penting dan mengikut aspirasi suara anak muda Keluarga Malaysia mewariskan sebuah negara lestari kepada generasi akan datang.

"Justeru, sistem pendidikan sedia ada akan disesuaikan supaya lebih menjurus kepada aspek ESG dan di sinilah kurikulum Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu ditambah baik untuk memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan.

"Dari sudut berbeza pula, aspirasi ESG ini juga memerlukan keberanian pihak kerajaan untuk mewujudkan rangka dasar dan insentif yang lebih kondusif, maka antara insentif yang membuktikan kerajaan komited dengan agenda ini ialah pengecualian sepenuhnya duti import, eksais, cukai jualan malahan cukai jalan

bagi kenderaan elektrik (EV)," katanya.

Menyentuh aspek sosial dan kesejahteraan rakyat, Ismail Sabri berkata tumpuan kerajaan adalah untuk memenuhi keperluan perumahan generasi muda Keluarga Malaysia, menerusi penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang mana konsep Bandar Selamat Pintar akan diperkenalkan secara berperingkat.

"Di samping agenda ini, perkara asas yakni kemiskinan masih menjadi keutamaan saya seperti dijanjikan iaitu nilai teras Keluarga Malaysia adalah keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran serta tiada seorang pun yang harus tertinggal.

"Saya sendiri akan mengetuai inisiatif Pembasmian Kemiskinan oleh kerajaan melalui penubuhan Unit Kemiskinan yang diwujudkan di peringkat pusat, negeri dan daerah," katanya.